

# Pasangan warga emas dari KL sanggup ke Perak akibat 'terpedaya' video AI

## Ricardo Unto

KOTA KINABALU: Seorang pekerja hotel di Perak baru-baru ini berdepan situasi janggal apabila terpaksa "memusnahkan" impian sepasang warga emas untuk menaiki kereta kabel gara-gara sebuah video AI yang kelihatan terlalu meyakinkan.

Pasangan itu datang dari Kuala Lumpur, lengkap dengan beg dan semangat berkebar-kobar, kerana percaya terdapat kereta kabel yang beroperasi dari Kampung Kuak Hulu di Gerik, Perak ke Baling, Kedah.

Dengan bersahaja, mereka bertanya kepada pekerja hotel sama ada dia sendiri pernah menaikinya dan sama ada barisan-nya panjang, mengharapkan maklumat orang tempatan.

Menyangka mereka sedang bergurau, pekerja hotel itu ketawa dan berkata bandar itu bukannya lokasi popular untuk kereta kabel.



Bagaimanapun, wanita warga emas itu tetap bertegas bahawa mereka telah menonton video tentang kereta kabel itu di Facebook, siap dengan "wartawan" dan temu bual yang nampak "benar".

Pekerja hotel itu kemudian terpaksa

menerangkan dengan lembut bahawa video terbabit sebenarnya dihasilkan oleh kecerdasan buatan (AI), dan "wartawan" yang dilihat oleh wanita itu juga hanyalah rekaan semata-mata.

Difahamkan, video itu masih tular di

**TANGKAP** layar video itu yang menunjukkan "wartawan" membuat liputan tentang perkhidmatan kereta kabel baharu.

media sosial, dan walaupun pengguna berpengalaman mungkin dapat mengenal pasti kepalsuannya, ramai juga yang mudah terpedaya jika tidak cukup peka.

Petunjuk jelas termasuk pandangan mata yang kelihatan robotik, senyuman yang aneh, serta pakaian "wartawan" yang lebih sesuai untuk percutian ski di Switzerland berbanding cuaca tropika Malaysia.

"Muzium rekaan" yang dipaparkan dengan kamera antik dan pemandangan panoramik yang bercanggah dengan geografi sebenar turut menambahkan lagi kekeliruan.

Reaksi netizen pula berbeza-beza, dari ada yang mengaku "juga hampir percaya", manakala ada yang menggesa agar kandungan AI dikawal dengan lebih ketat sebelum lebih ramai datuk dan nenek kecewa akibat impian yang musnah di alam maya.

5/7/2025